

27 MAR 2001

Ahmad Urai-Bumiputera

PEMIMPIN BUMIPUTERA DI SARAWAK HARUS BERSATU

KUCHING, 27 Mac (Bernama) -- Bekas Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Ahmad Urai Abang Mohideen berkata pemimpin politik Melayu dan bumiputera di Sarawak harus bersatu bagi memastikan wujudnya kestabilan politik dan ekonomi yang berkekalan di negeri ini.

Katanya para pemimpin di Sarawak harus mengambil iktibar daripada usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengajak pemimpin PAS dan parti Keadilan berunding bagi menyatupadukan orang Melayu.

"Di Sarawak pun sama, Tan Sri Abdul Taib Mahmud (Ketua Menteri) dan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha (bekas Menteri Pertahanan), Datuk Hafsah Harun (Ketua Keadilan Sarawak) dan pemimpin bumiputera lain juga harus berunding sebagai kawan dan dalam satu keluarga bagi mengwujudkan perpaduan bumiputera," katanya pada persidangan media di sini hari ini.

Katanya perpaduan kaum bumiputera sangat penting kerana ia membuat kaum bukan bumiputera berasa selamat dan segala perniagaan dan pelaburan mereka di negeri ini tidak terganggu.

"Apabila ini wujud barulah kita dapat membina negeri Sarawak yang lebih makmur terutama bagi generasi muda termasuk anak-anak yang masih dibangku sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan politik Sarawak kini termasuk tindakan Datuk Abang Abu Bakar untuk bertanding dalam pilihan raya negeri yang akan datang.

"Pemimpin Bumiputera harus mengurangkan masalah politik di Sarawak supaya usaha membawa pembangunan kepada rakyat tidak terbantut," katanya.

Mengenai pilihan raya yang akan datang, Ahmad Urai yang kini menetap di Kuala Lumpur dan Ketua Umno Cawangan Jalan Yap Kwan Seng menegaskan beliau akan memberikan sokongan kepada BN.

"Sebagai ahli Umno di Semenanjung, saya mesti memberikan sokongan kepada BN kerana tiada sebab bagi ahli Umno tidak menyokong parti gabungan kita dalam BN," katanya.

--BERNAMA

MT ZB